



# RINGKASAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

## 2/2024

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN  
KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN  
BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN



JULAI 2024







# RINGKASAN LAPORAN

## KETUA AUDIT NEGARA

### 2/2024

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN  
KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN  
BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

JULAI 2024



ISSN 2805-5241



9 7 7 2 8 0 5 5 2 4 0 0 5

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Audit Negara  
Jabatan Audit Negara Malaysia  
Blok F2 & F3, Kompleks F  
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62000 Putrajaya  
MALAYSIA

Laman web: <https://www.audit.gov.my>  
Emel: [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my)  
Tel: +603-8091 1000  
Faks: +603-8091 1454

Dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 10 Julai 2024

Hak Cipta Terpelihara ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan dan disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiaran dalam sebarang bentuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Urus Setia Jabatan Audit Negara Malaysia.

---

Dicetak Oleh  
Percetakan Nasional Malaysia Berhad  
Kuala Lumpur, 2024  
Laman web: [www.printnasional.com.my](http://www.printnasional.com.my)  
Emel: [service@printnasional.com.my](mailto:service@printnasional.com.my)  
Tel: 603-9236 6895  
Faks: 603-9222 4773



# KANDUNGAN



# KANDUNGAN

PENDAHULUAN	7
<b>1 JABATAN PERDANA MENTERI</b>	
• <b>Jabatan Wilayah Persekutuan</b>	
- Pengurusan Projek Sungai Nadi Kehidupan (River of Life)	13
<b>2 KEMENTERIAN EKONOMI</b>	
• <b>Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur</b>	
- Pengurusan Projek dan Program di Bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)	21
<b>3 KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH</b>	
- Pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar Sarawak dan Sabah	27
<b>4 KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR</b>	
<b>KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM</b>	
- Pengurusan Air Negara	35
<b>5 KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN</b>	
• <b>Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia</b>	
- Pengurusan Perkhidmatan Kebombaan	45
<b>6 KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN</b>	
<b>KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM</b>	
• <b>Jabatan Wilayah Persekutuan</b>	
• <b>Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan</b>	
• <b>Jabatan Perumahan Negara</b>	
• <b>Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan</b>	
• <b>Dewan Bandaraya Kuala Lumpur</b>	
• <b>Perbadanan Putrajaya</b>	
• <b>Perbadanan Labuan</b>	
- Pengurusan Kediaman Berstrata di Wilayah Persekutuan	53
<b>7 KEMENTERIAN KOMUNIKASI</b>	
- Pengurusan Program Pemerkasaan Jaringan dan Infrastruktur Telekomunikasi Jalur Lebar	61
<b>8 KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI</b>	
<b>KEMENTERIAN DIGITAL</b>	
<b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI</b>	
<b>KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH</b>	
- Pengurusan Program Pembangunan Keusahawanan e-Dagang	67
<b>9 KEMENTERIAN PERTAHANAN</b>	
- Pengurusan Kapal Tentera Laut Diraja Malaysia	71
PENUTUP	79



# PENDAHULUAN



## PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 [Akta 62] menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan badan dan syarikat Kerajaan. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan tiga jenis pengauditan seperti berikut:

**1.1. Pengauditan Penyata Kewangan** - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

**1.2. Pengauditan Prestasi** - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti kementerian/jabatan/agensi dilaksanakan dengan ekonomik, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan

**1.3. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan** - untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Pengauditan Prestasi dijalankan berdasarkan corak pengauditan yang diperuntukkan di bawah seksyen 6 Akta Audit 1957 [Akta 62] serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *The International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Laporan pada kali ini mengandungi perkara yang telah dibangkitkan hasil daripada pengauditan terhadap sembilan program/aktiviti/projek di 11 kementerian. Pengauditan yang dijalankan antara lain meliputi aspek pengurusan program/aktiviti dan pengurusan projek.

3. Secara umumnya, program/aktiviti/projek Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan mengikut tujuan yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan seperti sasaran objektif tidak tercapai. Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2024, terdapat kes pembaziran akibat daripada projek siap yang tidak digunakan dan kos bayaran perunding bagi rekabentuk yang tidak digunakan kerana perubahan keputusan. Selain itu, terdapat juga isu kelemahan pengurusan yang mengakibatkan kesan kewangan yang signifikan kepada Kerajaan. Antaranya seperti kos alat ganti kapal yang tidak digunakan akibat daripada peralatan kapal yang ditukar kepada jenama yang lain dan infrastruktur jalur lebar yang dibina tetapi tidak dilanggan.

4. Kelemahan tersebut antara lain disebabkan oleh perancangan program/aktiviti/projek yang kurang teliti dan komprehensif. Selain itu, ia juga disebabkan pemantauan yang tidak dijalankan dengan konsisten dan teliti terhadap pengurusan projek dan kurang memberi perhatian terhadap keberhasilan/impak sesuatu program/aktiviti/projek. Perkara ini juga menyumbang kepada kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan dalam LKAN 2/2024.
5. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Agensi terlibat dan mereka juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan semasa Mesyuarat Penutup diadakan. Penemuan Audit yang penting sahaja telah dilaporkan dalam laporan ini untuk memaklumkan kepada pemegang taruh mengenai kelemahan yang dikesan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 31 syor untuk diambil tindakan oleh kementerian/jabatan/agensi berkenaan.
6. Untuk LKAN 2/2024, Jabatan Audit Negara memperkenalkan pembaharuan iaitu penyediaan Buku Ringkasan LKAN yang mengandungi ringkasan latar belakang program/aktiviti/projek yang diaudit, penemuan, syor dan rumusan Audit yang dipersembahkan dalam bentuk infografik. Semua pembaharuan ini diharapkan dapat memberi nilai tambah kepada semua pemegang taruh yang terlibat.
7. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan memantapkan usaha penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti Kerajaan. Selain meningkatkan akauntabiliti dan integriti penjawat awam, laporan ini juga diharap dapat menimbulkan kesedaran melalui penemuan dan syor Audit yang telah dikemukakan bagi membolehkan Kerajaan mencapai value for money untuk setiap perbelanjaan yang dibuat.
8. Status isu dan tindakan terkini Laporan Ketua Audit Negara 2/2024 boleh diakses oleh auditi dan orang awam melalui Papan Pemuka Dalam Talian Ketua Audit Negara (*Auditor General's Dashboard – AGD*) di laman web Jabatan Audit Negara (<http://agdashboard.audit.gov.my>). Mekanisme ini telah berjaya membantu kementerian/jabatan/agensi Kerajaan untuk menyalurkan maklum balas dengan cepat, pantas serta meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti. Hal ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu yang dibangkitkan dalam LKAN serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil.

9. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai kementerian/jabatan/agensi Kerajaan yang telah memberi kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha gigih serta memberi sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(**DATUK WAN SURAYA WAN MOHD RADZI**)  
**Ketua Audit Negara**

**Putrajaya**  
**20 Mei 2024**



# RINGKASAN LAPORAN

1

## JABATAN PERDANA MENTERI

Jabatan Wilayah Persekutuan

- Pengurusan Projek Sungai Nadi Kehidupan (River of Life)



# PENGURUSAN PROJEK SUNGAI NADI KEHIDUPAN (RIVER OF LIFE)

## JABATAN PERDANA MENTERI

### LATAR BELAKANG

Mentransformasikan Sungai Klang dan Sungai Gombak kepada ikon *waterfront* yang dinamik & berdaya huni dengan nilai ekonomi yang tinggi



#### PEMBERSIHAN SUNGAI

- Tingkat kualiti air sungai ke Kelas IIB
- 110 km, 8 sungai
- Kos: RM3.363 bilion
- Agensi Pelaksana: JPS, JPP, DBKL, MPAJ & MPS
- 13 *Key Initiatives*

#### PENGINDAHAN SUNGAI

- Merangsang aktiviti ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup
- 10.7 km koridor Sungai Gombak dan Sungai Klang
- Kos: RM1 bilion
- Agensi Pelaksana: DBKL & JPS
- Pelan Induk RoL

#### PEMBANGUNAN TANAH

- Pulangan RM4 bilion kepada Kerajaan
- 108 lot tanah dalam kawasan RoL dibekukan (2012 hingga projek siap)
- Pemilik tanah: DBKL, PTP, PAK, Tanah Kerajaan/Rizab

#### PERUNTUKAN & PERBELANJAAN

Kos siling DE: **RM4.363 bilion**

Belanja: RM3.915 bilion (89.7%) sehingga 31.12.2023



# PENGAUDITAN

## Objektif Pengauditan

Untuk menilai sama ada pengurusan Projek RoL diuruskan dengan ekonomik, cekap dan berkesan bertujuan:

Meningkatkan kualiti air sungai ke Kelas IIB

Meningkatkan aktiviti ekonomi dan kualiti hidup rakyat

Membangunkan tanah Kerajaan di lokasi projek

Memberikan pulangan kepada Kerajaan (RM4 bilion)

## Skop dan Metodologi Pengauditan

**2018 hingga 2023**  
(Perancangan mulai 2011)

**Prestasi**  
Kemajuan Fizikal Projek dan Pencapaian Objektif Projek

**48**

SAMPEL

KONTRAK KERJA

**Pengurusan**  
Peruntukan dan Perbelanjaan, Perancangan, Pentadbiran Kontrak, Pelaksanaan Projek, Operasi dan Penyenggaraan, Pewartaan Rizab Sungai

**25**

SAMPEL

KONTRAK PERKHIDMATAN



# PENEMUAN AUDIT

## Rumusan

Secara keseluruhan, Projek RoL tidak akan berjaya disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu pada tahun 2024 kerana sehingga bulan Julai 2023, lapan projek masih dalam pelaksanaan dengan kemajuan di tapak antara 21% hingga 97.3%; kontraktor penyiap belum dilantik untuk dua projek yang ditamatkan kontrak; dan 12 projek belum dimulakan. Analisis Audit mendapati hanya 79.4% kerja pengindahan sungai telah disiapkan dan hanya 50 daripada 296 loji rawatan kumbahan berjaya dirasionalisasi atau dinaiktaraf. Analisis terhadap tempoh projek pula menunjukkan projek lewat disiapkan sehingga melebihi lapan tahun dan telah menyebabkan peningkatan kos kepada Kerajaan.


Pengauditan juga mendapati kesemua objektif RoL masih belum berjaya dicapai. Salah satu objektif RoL untuk meningkatkan kualiti air sungai ke Kelas IIB sukar untuk dicapai kerana kelemahan dalam aspek perancangan, pelaksanaan projek, tahap operasi aset rendah serta tahap pematuhan efluen dan kesedaran penjagaan sungai yang masih rendah. Hasrat Kerajaan untuk mendapatkan pulangan sehingga RM4 bilion bagi membiayai kos pelaksanaan RoL dan mengelakkan penggunaan dana awam juga tidak tercapai kerana hasil penjualan tanah adalah tertakluk kepada pemilik masing-masing.

Selain itu, *business model* yang tidak komprehensif telah menyebabkan penyenggaraan dan aktiviti RoL masih bergantung sepenuhnya kepada peruntukan Kerajaan. Kekurangan ini juga menyebabkan aset RoL tidak disenggara sewajarnya, terbiar, rosak dan tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Pengauditan juga menemui kelemahan dalam aspek tatakelola projek merangkumi perancangan, pemantauan perbelanjaan, penyediaan reka bentuk, pelantikan perunding dan pelaksanaan projek.

## Penemuan Utama

### Kemajuan Fizikal Projek

(setakat Julai 2023)



## Kemajuan Fizikal Projek



### PENGINDAHAN SUNGAI

- Sasaran 10.7 km - Pencapaian 8.5 km (**79.4%**)
- *Collapsible Weir tidak berjaya capai objektif* (1 unit tidak operasi dan 1 unit tidak disiapkan)

### PEMBERSIHAN SUNGAI

- Tiga projek pembetungan belum disiapkan dan telah diluluskan EOT antara 2,098 hingga 2,938 hari (**kelewatan melebihi lapan tahun**)
- Projek Loji Rawatan Kumbahan Serantau Batu **belum ditender semula** walaupun Notis Penamatan Pengambilan Kontraktor dikeluarkan pada 27 Oktober 2022 (kemajuan 45.8%)
- Kelewatan penyiapan tiga projek dan penamatan satu kontrak telah menyebabkan **peningkatan kos dianggarkan sehingga RM234.72 juta**

## Pencapaian Objektif Projek

### Objektif 1

- Kualiti air sungai masih belum ditingkatkan ke Kelas IIB
- Antara faktor penyebab:
  - i. **Projek pembetungan belum disiapkan**
  - ii. **Tahap operasi aset pembersihan sungai rendah**
  - iii. Efluen dari aset pembersihan sungai tidak mencapai Kelas II/PPKAS
  - iv. **Public Outreach Program tidak mencapai objektif**
  - v. **Tahap pematuhan terhadap akta/peraturan pelepasan efluen oleh premis belum meningkat**
  - vi. **Tiada pemantauan** terhadap tahap E.Coli dalam sungai

### Objektif 2

- Manfaat peningkatan aktiviti ekonomi dan kualiti hidup rakyat belum tercapai sepenuhnya
- 17 kemudahan dengan kos pembinaan berjumlah RM13.21 juta masih belum dimanfaatkan

### Objektif 3

- Hanya 7 daripada 59 lot tanah telah dijual/dilupuskan
- Daripada jumlah tersebut, hanya 1 telah dibangunkan sepenuhnya

### Objektif 4

Pulangan kepada Kerajaan berjumlah RM4 bilion belum dicapai

## Pengurusan Projek

Peruntukan pembangunan agensi pelaksana belum dibelanjakan

Sehingga 31 Disember 2022, sejumlah **RM310.92 juta** peruntukan pembangunan yang disalurkan ke DBKL, MPS dan MPAJ **masih belum dibelanjakan**

Kelemahan dalam kawalan perbelanjaan

Kos siling peruntukan pembangunan **tidak mencukupi untuk menampung projek pra pelaksanaan termasuk satu projek yang ditamatkan kontrak**

Reka bentuk tidak digunakan

Kerajaan membayar **kos berkaitan penyediaan lima reka bentuk berjumlah RM19.10 juta tetapi tidak digunakan** akibat perubahan keputusan mengenai kaedah pelaksanaan projek

Kelemahan penyediaan reka bentuk

Kelemahan perunding semasa penyediaan reka bentuk pam telah mengakibatkan **kerugian sehingga RM1.29 juta** dan **kelewatan penyiapan projek sehingga 1,803 hari**

Pelantikan perunding tidak teratur

Perunding kejuruteraan awam/sivil dilantik sedangkan skop kontrak melibatkan antara 45% hingga 65% komponen mekanikal dan elektrikal

Kelewatan pelantikan kontraktor penyiap

Kontraktor penyiap bagi projek LRK Serantau Batu belum dilantik kerana perubahan kaedah pelaksanaan daripada konvensional kepada reka dan bina dan **isu tuntutan daripada perunding terhadap reka bentuk belum selesai**

Aset pembersihan sungai lewat dibaiki (21 sampel)

**Tempoh pembaikan** bagi 10 aset rosak ialah antara **3 bulan hingga 4 tahun 3 bulan** manakala baki 11 kerosakan masih belum dibaiki

147 aset pembersihan sungai tidak beroperasi

**147 (17.6%) aset pembersihan sungai tidak beroperasi** kerana rosak/telah dirobohkan/tidak boleh digunakan

## Pengurusan Projek

*Business model* RoL tidak komprehensif

*Business model* yang disediakan hanya merangkumi kawasan pengindahan sungai Presint 7 dan tidak berjaya mengurangkan kebergantungan terhadap peruntukan kewangan Kerajaan

Pewartaan rizab sungai RoL belum selesai

**Pewartaan rizab sungai RoL belum selesai** walaupun kontrak juruukur dengan kos RM0.93 juta telah tamat pada bulan Oktober 2017

## Syor Audit

1

JWP hendaklah melaksanakan penilaian untuk menentukan sama ada projek yang masih dalam peringkat pra pelaksanaan perlu diteruskan dengan mengambil kira aspek peruntukan kewangan untuk pelaksanaan dan penyenggaraan projek serta sumbangan projek berkenaan kepada pencapaian objektif RoL

2

JWP bersama semua Agensi Pelaksana hendaklah menambahbaik *business model* RoL sedia ada dengan lebih komprehensif pada kadar segera supaya isu penyenggaraan, aset rosak dan terbiar dapat diselesaikan

3

JWP dan Agensi Pelaksana hendaklah meningkatkan pemantauan di tapak supaya projek dapat disiapkan mengikut tempoh dan spesifikasi ditetapkan serta mengelakkan Kerajaan terus menanggung peningkatan kos akibat kelewatan projek

4

JPP, DBKL dan JPS hendaklah meningkatkan aspek tatakelola projek supaya semua peraturan kewangan serta terma dan syarat kontrak dipatuhi

# RINGKASAN LAPORAN

2

## KEMENTERIAN EKONOMI

Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi  
Pantai Timur

- **Pengurusan Projek dan Program  
di Bawah Wilayah Ekonomi Pantai  
Timur (ECER)**



# PENGURUSAN PROJEK DAN PROGRAM DI BAWAH WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR (ECER)

KEMENTERIAN EKONOMI

MAJLIS PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR



## LATAR BELAKANG



- **ECERDC ditubuhkan** pada 13 Jun 2008 sebagai sebuah agensi Persekutuan di bawah Akta Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2008 [Akta 688].
- **Berfungsi** untuk memudah cara pembangunan wilayah menerusi kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dan pihak Kerajaan Negeri dalam melaksanakan projek-projek strategik, berimpak tinggi dan pemangkin untuk mempercepatkan pembangunan sosioekonomi di Wilayah ECER.
- **Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)** merangkumi Kelantan, Terengganu, Pahang serta daerah Mersing dan Segamat di Johor.
- **7 KDA/Nod** merangkumi 32 daerah di Wilayah ECER telah diwujudkan bagi memastikan pembangunan yang bertumpu dan optimum.

## PENGAUDITAN

- Pengauditan dijalankan terhadap projek dan program di Wilayah ECER yang dilaksanakan oleh ECERDC di **bawah RMKe-9 hingga RMKe-12** melibatkan **109 projek dan program** dengan kos keseluruhan berjumlah **RM8.015 bilion**.
- Sejumlah **RM6.762 bilion peruntukan diterima** sehingga **31 Disember 2022 dengan RM6.557 bilion telah dibelanjakan** manakala **baki RM204.11** juta belum dibelanjakan disebabkan projek masih dalam perancangan, dalam pelaksanaan serta projek siap tetapi akaun akhir sedang dimuktamadkan.

### OBJEKTIF

Menilai sama ada pengurusan projek dan program di Wilayah ECER dirancang dan dilaksana secara **ekonomik, cekap** dan **berkesan** bagi **mencapai objektif yang ditetapkan**.


### METODOLOGI

Menyemak fail, rekod dan dokumen di ECERDC dan agensi berkaitan.

Analisis data:  
• Pelaburan ECERDC  
Pemeriksaan fizikal Audit  
Temu bual & perbincangan bersama pegawai ECERDC & PMC

### SKOP

**109 projek dan program** di Wilayah ECER yang dilaksanakan oleh ECERDC di bawah **RMKe-9 hingga RMKe-12** sejak **tahun 2008 sehingga 31 Disember 2022**.



Sebanyak **16 Projek (RM3.542 bilion) & 1 Program (RM69.20 juta)** dipilih sebagai **sampel pengauditan**

LOGISTIK &  
PERKHIDMATAN

PEMBANGUNAN  
MODAL INSAN

PERNIAGAAN TANI

PEMBUATAN

Melibatkan 4 kluster & 3 Negeri



# PENEMUAN AUDIT

## RUMUSAN AUDIT

Pencapaian prestasi projek dan program yang dirancang dalam RMKe-9 hingga RMKe-12 telah dilaksana oleh ECERDC **melebihi 90%**.

A.

Sasaran prestasi bagi **Pelan Induk ECER 1.0 (EMP 1.0)** tidak tercapai manakala pencapaian sebenar bagi **EMP 2.0** masih belum boleh dinilai.

B.

Pengukuran pencapaian objektif projek dan program tidak dibuat.

C.

Kelemahan pengurusan projek seperti plot perindustrian tidak diisi dan infrastruktur projek yang telah siap tetapi tidak digunakan/rosak.

## ISU AUDIT

### A. Sasaran Prestasi Tidak Tercapai



**17/30**

Sebanyak 17 (57%) daripada 30 peserta tidak mencapai sasaran pendapatan ditetapkan sepanjang tempoh 2017 hingga 2021 bagi projek PAP, SKA & BSA.

### i. Sasaran Pendapatan Peserta Tidak Tercapai



**842/1,040**

Seramai 842 (81%) daripada 1,040 peserta tidak diambil bekerja oleh Syarikat Induk selepas penyerahan dibuat bagi projek PAP, SKA & BSA.

### ii. Peserta Program Tidak Diambil Bekerja

### iii. EMP 1.0 Tidak Mencapai Sasaran

**Sasaran : Tiada penetapan sasaran**  
**Pencapaian : Tidak dapat dinilai**

**Sasaran : 60,000 usahawan**  
**Pencapaian : 29,275 usahawan**



## B. Pengukuran pencapaian objektif projek & program tidak dibuat

### Pencapaian pelaksanaan sosioekonomi projek & program tidak dapat diukur

Pencapaian pelaksanaan sosioekonomi projek dan program ECERDC **tidak dapat diukur** kerana **tiada pangkalan data** terhadap maklumat **pendapatan isi rumah dan garis kemiskinan** diwujudkan bagi Wilayah ECER.



## C. Kelemahan pengurusan projek

### i. Plot perindustrian tidak diisi dengan pelabur

37 daripada 43 plot perindustrian tidak diisi dengan pelabur

#### Taman Industri Kuantan Malaysia-China (MCKIP 3)



Hanya 1 plot perindustrian telah diisi manakala 18 plot perindustrian masih kosong sejak 2017

#### Taman Biopolimer Kertih (KBP)



Hanya 4 plot perindustrian telah diisi manakala 6 plot perindustrian masih kosong sejak 2022

#### Taman Perikanan Bersepadu Tok Bali (TBIFP)



Hanya 1 plot perindustrian diisi dan 13 plot perindustrian masih kosong semenjak diserahkan kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) pada tahun 2017



## SYOR AUDIT



# RINGKASAN LAPORAN

3

## KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

- Pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar Sarawak dan Sabah



# PENGURUSAN PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK DAN SABAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

## LATAR BELAKANG

### MULAI RMKe-2


- Dilaksanakan di bawah *Skim Accelerated Rural Water Supply*
- Kaedah pembiayaan 80% pinjaman dan 20% geran Kerajaan Persekutuan dengan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) sebagai agensi pelaksana

### BERMULA RMKe-8


- KKDW telah dilantik sebagai agensi pelaksana
- Kaedah pembiayaan secara 100% geran Kerajaan Persekutuan

## PERUNTUKAN & PERBELANJAAN

  
**Kos Projek**  
**RM1.647 billion**



  
**Kos Projek**  
**RM1.735 billion**



### NOTA:

-  - BALB Retikulasi & BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji     - BALB Alternatif     - BALB Sekunder

## 3 KOMPONEN PROJEK

### BALB NAIK TARAF/ BINA BARU LOJI



**Loji Rawatan Air**

### BALB RETIKULASI



**Meter Air**

### BALB ALTERNATIF



**Paip Utama di Dam Alternatif**  
Membina telaga tiub, telaga terbuka, sistem air graviti dan sebagainya

## AGENSI PELAKSANA



KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH



JABATAN AIR NEGERI SARAWAK

JABATAN AIR NEGERI SARAWAK



Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak



Jabatan Mineral & Geosains Malaysia



Pejabat Daerah Negeri Sabah

## OBJEKTIF BALB

**Menyediakan kemudahan air bersih dan terawat** agar taraf kesihatan dan kualiti hidup masyarakat di kawasan luar bandar dapat dipertingkatkan

## PENGAUDITAN

### OBJEKTIF PENGAUDITAN

Menentukan sama ada projek BALB Sarawak dan Sabah dilaksanakan secara **ekonomik, cekap dan berkesan** bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan iaitu **menyediakan kemudahan bekalan air bersih dan terawat**

## SKOP AUDIT

Meliputi **projek sambungan dari RMKe-10 dan RMKe-11**

Justifikasi pemilihan sampel:

- Skop Program
- Status projek
- Operator air/penduduk kampung
- Lokasi projek

### KESELURUHAN PROJEK

**96**  
Projek

- **28** BALB Retikulasi
- **7** BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji
- **61** BALB Alternatif

**477**  
Projek

- **361** BALB Retikulasi
- **16** BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji
- **100** BALB Alternatif

**SARAWAK**

### SAMPEL AUDIT

**36**  
Projek  
(37.5%)

- **18** BALB Retikulasi
- **7** BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji
- **11** BALB Alternatif

**102**  
Projek  
(21.4%)

- **73** BALB Retikulasi
- **14** BALB Naik Taraf/Bina Baru Loji
- **15** BALB Alternatif

**SABAH**

## PENGAUDITAN

### METODOLOGI PENGAUDITAN



Semakan fail, rekod dan dokumen projek



Pemeriksaan fizikal  
(Sarawak: Daerah Kuching,  
Sri Aman dan Miri)  
(Sabah – Daerah  
Keningau, Kuala Penyu,  
Beaufort, Sandakan,  
Semporna dan Ranau)



Analisis data projek



Tempoh pengauditan  
bulan Disember 2022  
– Oktober 2023



Perbincangan,  
temu bual dan  
edaran borang soal  
selidik bersama  
pegawai dan  
penduduk



Tempoh rekod dan  
dokumen tahun  
2016 – 2023

## PENEMUAN AUDIT

### RUMUSAN AUDIT

**TIDAK  
TERCAPAI**

**Kelemahan fungsi dan pelaksanaan projek  
yang tidak selari dengan objektif BALB** berkaitan  
taraf kesihatan dan kualiti hidup tidak dapat diukur

**Sasaran pencapaian projek tidak konsisten**  
kerana diturunkan dari penetapan asal tanpa justifikasi

**Peruntukan disalurkan tidak dibuat  
pembayaran** pada tahun semasa

**Projek yang siap tidak digunakan dan  
tidak diselenggara**

## PENEMUAN AUDIT

### ISU AUDIT

- **32,229 Rumah Kawasan Luar Bandar Tidak Menerima Bekalan Air Bersih dan Terawat**

- 12 Projek BALB Sarawak (RM888.32 juta) & 24 projek BALB Sabah (RM758.84 juta) masih dalam perancangan, sepatutnya telah bermula/ siap
- Tempoh kelewatan antara 5 - 7 tahun (kelulusan projek 2016, 2017 & 2018)

#### **63.9% Penyambungan Meter Tidak Dibuat**

2,442 (63.9%) daripada 3,824 rumah tidak membuat penyambungan meter disebabkan penduduk tidak mampu kerana kos penyambungan meter yang tinggi (RM750 – RM1,000) setiap rumah



#### **Pencapaian Projek Siap Rendah**

Pencapaian **51.9%** (35 projek BALB Sarawak) & **34.4%** (377 projek BALB Sabah) bagi RMKe-11 termasuk projek sambungan RMKe-10



#### **Komponen Aset Projek Rosak**

- Pam *submersible* (RM99,000) & *air blower* (RM36,450) di LRA Kg. Limbang, Beaufort
- Sistem pam, peralatan sokongan bagi sistem *Electro Chlorination* (EC) (RM1.21 juta) & sistem pemproses enap cemar (RM449,959) di LRA Jaya Bakti, Beluran
- Saluran paip bocor & set generator - gangguan bekalan air kerap berlaku di 2 projek BALB Retikulasi iaitu Kg. Lalasun & Kg. Semawang



#### **Pelarasian Penurunan Sasaran**

Pencapaian KPI KKDW hanya tercapai selepas membuat penetapan semula objektif, output & keberhasilan projek BALB menyebabkan penurunan sasaran sebanyak **84.8%** bagi Sarawak & **83.4%** bagi Sabah

#### **Tangki Tidak Digunakan**

Tangki perkhidmatan RM9.20 juta bagi projek Salurau Paip Utama dari Loji Batu Kitang ke Tangki Bukit Entingan & ke Tangki Batu 9 ¾ Samarahan tidak digunakan selama 5 tahun 9 bulan oleh LAK sejak siap pada 19 Mac 2018



#### **AGENSI PELAKSANA**

#### **Penetapan Sasaran Keberhasilan Tidak Menyeluruh**

Penetapan sasaran keberhasilan (RMKe-11) hanya mengambil kira projek BALB Retikulasi dan tidak termasuk projek BALB Alternatif kerana hanya membekalkan air bersih sahaja

#### **Penyaluran Peruntukan Bukan Kepada Agensi Pelaksana (RISDA)**

- RM6.22 juta baki peruntukan yang dilaporkan bukan baki sebenar:
  - BALB Sarawak - RM1.24 juta (2017)
  - BALB Sabah - RM4.98 juta (2020)
- RM109.56 juta peruntukan disalurkan ke RISDA (agensi pembayar):
  - BALB Sarawak - RM12 juta
  - BALB Sabah - RM97.56 juta



**Mengkaji semula sasaran dan objektif program supaya lebih realistik, boleh diukur dan konsisten berdasarkan kebolehcapaian serta kemampuan melaksanakan projek**

**Menambah baik garis panduan sedia ada agar lebih komprensif dengan mengambil kira koordinasi dengan Kerajaan Negeri melalui perbincangan isu berkaitan projek (sebelum dan selepas penyerahan projek) meliputi aspek penguatkuasaan dan penyenggaraan**

**Memastikan pengurusan dan kawalan kewangan dilaksanakan dengan menyelenggara rekod peruntukan dan perbelanjaan yang tepat serta dibelanja mengikut keperluan dan ketetapan**



# RINGKASAN LAPORAN

4

**KEMENTERIAN PERALIHAN  
TENAGA DAN TRANSFORMASI  
AIR**

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN  
KELESTARIAN ALAM**

- Pengurusan Air Negara



# PENGURUSAN AIR NEGARA

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN  
TRANSFORMASI AIR

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN  
KELESTARIAN ALAM



## LATAR BELAKANG

### KEMENTERIAN UTAMA

- ❖ Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
- ❖ Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

Berdasarkan prinsip utama **Dasar Sumber Air Negara (DSAN) 2012** iaitu:


- Jaminan Sumber Air** (manusia, makanan, industri dan alam sekitar);
- Kelestarian Sumber Air** (optimum penggunaan, minimum pembaziran);
- Tadbir Urus Kolaboratif** (penglibatan pemegang taruh).

### AGENSI TERLIBAT

Terdapat **14** lagi agensi lain terdiri daripada Kementerian/jabatan/agenzi **terlibat** dalam keseluruhan **ekosistem pengurusan air negara**. Agenzi Persekutuan yang terlibat ialah:




### EKOSISTEM PENGURUSAN AIR NEGARA



### PELAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR 2020 – 2030

⦿ **Pelan Kelestarian Alam Sekitar 2020 – 2030** dirangka bertujuan memastikan matlamat **kelestarian alam sekitar** dicapai pada tahun **2030**.

⦿ **8 inisiatif** yang dinilai terhadap **liputan pengurusan air negara** iaitu sumber air, bekalan air terawat dan kualiti air.



# PENGAUDITAN

OBJEKTIF	METODOLOGI						
<p>Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan air negara yang meliputi pengurusan dari peringkat sumber air, bekalan air terawat dan jaminan kualiti air telah dilaksanakan dengan ekonomik, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif utama iaitu jaminan dan kelestarian sumber air serta tadbir urus kolaboratif.</p>	<p>Pengauditan dijalankan melalui metodologi secara semakan rekod dan dokumen, analisis data, temu bual, lawatan fizikal dan ujian makmal pensampelan efluen.</p>						
<b>LIPUTAN</b> <p>Melibatkan projek dalam RMKe-11 (2016-2020) hingga RMKe-12 (2021 &amp; 2022)</p>	<b>PERUNTUKAN DILULUSKAN (RMKe-11 dan RMKe-12)</b> <table> <tbody> <tr> <td>Sumber Air</td> <td><b>RM5.395 billion</b></td> </tr> <tr> <td>Bekalan Air Terawat</td> <td><b>RM4.204 billion</b></td> </tr> <tr> <td>Kualiti Air</td> <td><b>RM10.301 billion</b></td> </tr> </tbody> </table> <p>Peruntukan keseluruhan yang diaudit berjumlah <b>RM19.899 billion</b> melibatkan <b>712 projek pembangunan infrastruktur air</b>.</p>	Sumber Air	<b>RM5.395 billion</b>	Bekalan Air Terawat	<b>RM4.204 billion</b>	Kualiti Air	<b>RM10.301 billion</b>
Sumber Air	<b>RM5.395 billion</b>						
Bekalan Air Terawat	<b>RM4.204 billion</b>						
Kualiti Air	<b>RM10.301 billion</b>						
<b>NEGERI SAMPEL</b> <p>Justifikasi pemilihan 5 negeri sampel:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Faktor kadar air tidak berhasil (NRW)</li> <li>✓ Jumlah akaun pengguna air terawat</li> <li>✓ Penggunaan sumber air alternatif</li> </ul>	<b>BIDANG UTAMA PENGAUDITAN</b> <table> <tbody> <tr> <td></td> <td><b>Prestasi Aktiviti</b></td> </tr> <tr> <td></td> <td><b>Pengurusan Aktiviti</b></td> </tr> </tbody> </table> <p>Bagi liputan pengurusan air negara iaitu sumber air, bekalan air terawat dan kualiti air</p>		<b>Prestasi Aktiviti</b>		<b>Pengurusan Aktiviti</b>		
	<b>Prestasi Aktiviti</b>						
	<b>Pengurusan Aktiviti</b>						

## PENEMUAN AUDIT

### RUMUSAN KESELURUHAN

- Pencapaian prestasi penyiapan projek fizikal untuk sumber air, bekalan air terawat dan kualiti air tidak mencapai objektif pembinaan kerana lewat daripada tempoh jadual asal yang ditetapkan.
- Pengurusan punca pencemaran tidak mencapai sasaran seperti ditetapkan dan pengurangan peratusan air tidak berhasil juga tidak dicapai kerana kadar NRW masih tinggi.
- Mekanisme perkongsian bersama melibatkan semua pihak berkepentingan seperti PETRA, NRES, KPKM, KKM, badan kawal selia dan operator air/pembentungan serta pihak berkuasa tempatan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak perlu dipertingkatkan bagi menjamin ketersediaan dan kelestarian air negara.

## PRESTASI PENCAPAIAN PROJEK PEMBANGUNAN

PEMBANGUNAN LEWAT DARI JADUAL ASAL	Bilangan Projek	Kos Terlibat	Negeri	Kelewatan
 <b>Projek Pembangunan Sumber Air</b>	1 daripada 15 (6.7%)	RM470 juta daripada RM5.395 bilion	Sabah (1)	341 hari
 <b>Projek Pembangunan Bekalan Air</b>	4 daripada 27 (14.8%)	RM926.79 juta daripada RM4.204 bilion	Kedah (1) Sabah (2) Johor (1)	324 hingga 1,076 hari
 <b>Projek Pembangunan Kualiti Air</b>	11 Projek JPP daripada 34 (32.4%)	RM4.685 bilion daripada RM10.158 bilion	Pahang (2), Perak (2), Kedah (1), Pulau Pinang (2), Sabah 4	86 hingga 883 hari
	129 projek SPAN daripada 636 (20.3%)	RM68.16 juta daripada RM142.8 juta	Seluruh negeri Semenanjung kecuali WP KL dan Kelantan	361 hari

## PRESTASI PENCAPAIAN AKTIVITI

- Program Pembangunan National Water Balance System (NAWABS) Masih Dalam Pelaksanaan**
  - 12 lembangan sungai dalam pelaksanaan
- Kajian Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) Tidak Mencapai Peratusan Sasaran Bagi Tahun 2020 hingga 2023**



### PRESTASI PENCAPAIAN AKTIVITI SUMBER AIR

- Pembangunan Portal MyWater
  - Maklumat *existing yield* iaitu sumber air yang sedang digunakan oleh semua pengguna di lembangan sungai tidak dipaparkan.
- 5 Kajian Terhadap Simpanan/Empangan Air Bawah Tanah Masih Dalam Pelaksanaan



## PRESTASI PENCAPAIAN AKTIVITI BEKALAN AIR TERAWAT

### PENGELUARAN SEBENAR BERBANDING UNJURAN PERMINTAAN

Pengeluaran sebenar air terawat mengalami defisit bagi negeri Kedah dan Kelantan antara **-0.9%** dan **-16.8%** bagi tahun 2021 hingga 2022.

### PENCAPAIAN AIR TIDAK BERHASIL

#### NRW Peringkat Kebangsaan

Sasaran	Pencapaian
2020 - 35%	2020 - 33.4%
2023 - 32%	2021 - 33.8%
	2022 - 34.4%

#### Pencapaian NRW Negeri Sampel

Kedah - 51.5%	Sabah - 55.0%
Perlis - 61.5%	Kelantan - 53.7%
Selangor - 27.8%	

Negeri Selangor mencapai sasaran NRW. Negeri lain tidak mencapai sasaran pada kadar antara 51.5% hingga 61.5%.

### PENCAPAIAN RIZAB MARGIN



Sasaran **13.5%** rizab margin air terawat peringkat Kebangsaan bagi tahun **2022** masih tidak dapat dicapai. Kelantan sangat rendah **3.9%** manakala Kedah tiada rizab margin.

#### 5 PARAMETER QAP NWQS 2000

- <1.85% Residue Chlorine
- <0.15% E- Coli (Faecal Coliform)
- <0.05% Residue Chlorine & E- Coli
- <2.00% Kekeruhan
- < 10.00% Aluminium

### KUALITI AIR TERAWAT

Perlanggaran parameter air terawat di **Perlis, Sabah dan Kelantan tertinggi**. Perlanggaran tertinggi adalah **residue chlorine 9.79%** berbanding **1.85%** dan **kekeruhan 24.83%** berbanding **2%** bagi tahun 2022.

### KECEKAPAN PENGGUNAAN AIR

Penggunaan air di negeri-negeri Semenanjung dan W.P. Labuan **melebihi kadar penggunaan per kapita yang ditetapkan iaitu 237 Lkh.**

(Penetapan : 205 Lkh tahun 2020 dan 190 Lkh tahun 2023)



### LIPUTAN BEKALAN AIR TERAWAT




Negeri **Melaka** dan **W.P. Labuan** mencapai **liputan 100%** bekalan air terawat.

Liputan Negeri **Kelantan** terendah dengan **73.9%**.

Negeri-negeri lain di antara **81%** hingga **99.9%**.

## PRESTASI PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI AIR



### PENCAPAIAN BILANGAN SUNGAI BERSIH

**Pencapaian bilangan sungai bersih bagi tempoh 2021 hingga 2023 telah melebihi sasaran peratus kenaikan iaitu mencapai 36% hingga 39%.**

## PENGURUSAN AKTIVITI

### TADBIR URUS KOLABORATIF

- Mesyuarat Majlis Air Negara (MAN) tidak diadakan pada tahun 2020
- Isu berkaitan sumber air iaitu draf Rang Undang-Undang Sumber Air (RUU SA) yang telah dibincangkan dalam Mesyuarat MAN pada tahun 2019 tertangguh sehingga tahun 2021
- Cadangan RUU SA dijadikan sebagai rujukan penggubalan/pindaan enakmen negeri masing-masing

### PENGURUSAN AKTIVITI BEKALAN AIR TERAWAT

#### KEMUDAHAN RAWATAN ENAP CEMAR DI LOJI RAWATAN AIR

■ Ada Kemudahan ■ Tiada Kemudahan



**Hanya LRA di Selangor mempunyai 100% kemudahan rawatan enap cemar. Negeri sampel dilawati iaitu Kelantan mempunyai peratus terendah LRA dengan kemudahan rawatan enap cemar iaitu **26.8%**.**

## PENGURUSAN AKTIVITI BEKALAN AIR TERAWAT


### SISTEM TANGKI DAN RUMAH PAM TIDAK DIGUNAKAN

**362 sistem tangki dan 129 rumah pam atau 11%** daripada jumlah keseluruhan tidak beroperasi.



### TEKANAN AIR RENDAH

Selangor, Pulau Pinang, Perlis dan Kelantan **tidak mencapai sasaran** untuk tekanan air yang ditetapkan, **perbezaan pada kadar 0.4% hingga 14%** bagi tahun 2022.



Kawasan kediaman dengan tekanan air pada atau melebihi 10mH  
 Kawasan kediaman dengan tekanan air di bawah 10mH

## PENGURUSAN AKTIVITI KUALITI AIR

### LIPUTAN PEMBETUNGAN TIDAK BERSAMBUNG



Liputan pembetungan **tidak bersambung** antara 62.7% hingga 96.6%

### TANGKI SEPTIK TIDAK DI NYAHENAP CEMAR

Nyahenap cemar tangki septik bagi 623,466 (94.2%) unit **belum dilaksanakan** bagi tahun 2021 hingga 2023

### PENYENGGARAAN LOJI RAWATAN KUMBAHAN KURANG MEMUASKAN

4 negeri di Kedah, Perlis, Sabah dan Kelantan



## PENGURUSAN AKTIVITI KUALITI AIR

### PENCEMARAN SUMBER AIR

**5 Punca Tetap:** sistem pengolahan kumbahan, ternakan babi, industri pembuatan, industri berasaskan pertanian dan pasar basah.

**Punca Tidak Tetap :** perikanan, pertanian, komersial, tapak pelupusan sisa, kumbahan domestik, perlombongan, pembalakan dan pembangunan tanah.



### PEMANTAUAN KUALITI EFLUEN

Pemantauan melalui Sistem Online Environmental Reporting terhadap efluen kumbahan menunjukkan jumlah ketidakpatuhan yang tinggi diikuti efluen daripada sawit dan Perindustrian.

### PENGUATKUASAAN AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

Sebanyak 8,433 kompaun telah dikeluarkan berjumlah RM12.50 juta bagi tempoh tahun 2020 sehingga bulan Jun 2023.



### SYOR AUDIT

Meningkatkan pemantauan terhadap penyiapan projek dan program pembangunan dan naik taraf bagi sumber air, bekalan air terawat dan kualiti air dalam tempoh ditetapkan

Memperluaskan liputan pembentungan bersambung bagi memastikan rawatan berkualiti air sisa kumbahan



Memantapkan tadbir urus kolaboratif dan penglibatan bersama Kerajaan Persekutuan dan Negeri

Meningkatkan kawalan terhadap punca pencemaran dan parameter rawatan dengan lebih berkesan

Memperkasakan Dasar Sumber Air Negara dan hasil kajian yang berpotensi memberi manfaat



# RINGKASAN LAPORAN

5

## KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Jabatan Bomba dan Penyelamat  
Malaysia

- **Pengurusan Perkhidmatan  
Kebombaan**



# PENGURUSAN PERKHIDMATAN KEBOMBAAN

## KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



## LATAR BELAKANG

### FUNGSI DAN PERANAN

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) berfungsi berdasarkan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341)

### TUGAS UTAMA

1

Memberi khidmat yang cekap dan berkesan dalam mencegah dan memadam kebakaran

2

Menyelamatkan nyawa dan harta benda

3

Memberi khidmat kemanusiaan

4

Menguatkuasakan undang-undang berkaitan perkhidmatan kebombaan



### PERKHIDMATAN KEBOMBAAN

1

Aktiviti Memadam Kebakaran dan Khidmat Kemanusiaan

#### MASA RESPON

Terima Panggilan di Bilik Kawalan Balai



Penghantaran Pasukan dari Balai

Pasukan tiba di lokasi

Peratus Masa Respons bawah 10 minit

$$= \frac{\text{Bil. kes bawah 10 minit} \times 100}{\text{Jumlah kes}}$$

Purata Masa Respons Kebangsaan

$$= \frac{\text{Jumlah masa respons (minit)}}{\text{Bilangan kes}}$$

2

Keselamatan Kebakaran

- Perakuan bomba
- Aktiviti menghapuskan bahaya kebakaran
- Program kesedaran keselamatan kebakaran

# PENGAUDITAN

## PERKHIDMATAN KEBOMBAAN

Memadam  
Kebakaran dan  
Khidmat  
Kemanusiaan

Keselamatan  
Kebakaran

Prestasi  
Perkhidmatan  
Kebombaan

Pengurusan  
Perkhidmatan  
Kebombaan

**KOMPONEN**

**SKOP**

**OBJEKTIF**

**METODOLOGI**

Menilai sama ada perkhidmatan kebombaan oleh JBPM telah dilaksanakan secara cekap dan berkesan

- Semakan fail, rekod dan dokumen
- Analisis data
- Perbincangan dan temu bual
- Ujian *walkthrough*
- Pemeriksaan fizikal

**TEMPOH DATA  
DAN REKOD**

Tahun 2020 - 2023

**SAMPEL LOKASI**

- JBPM Selangor, Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kuala Kubu Bharu, BBP Shah Alam dan BBP Kota Anggerik
- JBPM Johor, BBP Larkin dan BBP Renggam
- JBPM WP Putrajaya dan BBP Putrajaya Presint 7

## PENEMUAN AUDIT



### RUMUSAN

Secara keseluruhannya, aktiviti perkhidmatan kebombaan telah mencapai objektif yang ditetapkan iaitu untuk memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan. Bagaimanapun, ia boleh ditambah baik dalam aspek pengurusan perakuan bomba, pelaksanaan projek pembangunan dan kenderaan operasi JBPM.

## PENEMUAN UTAMA

### 1. Masa respons mencapai KPI

- Secara keseluruhannya, **KPI masa respons telah mencapai** sasaran yang ditetapkan.
- Pencapaian KPI Peratus Masa Respons Bawah 10 Minit : 59.1% - 66.7% berbanding sasaran 55% - 63%.
- Pencapaian KPI Purata Masa Respons Kebangsaan : 8:46 dan 8:44 minit berbanding sasaran 10 dan 9:42 minit.

### 2. Perakuan Bomba mencapai KPI

- **KPI bagi perakuan bomba** telah **mencapai sasaran** yang ditetapkan.
- Pencapaian 89.5% - 96.3% berbanding sasaran 88% - 92%.

### 3. Laporan Kesalahan (Borang FC7) tidak dikeluarkan

- Tujuh daripada 80 sampel premis tidak mempunyai perakuan bomba.
- **Laporan Kesalahan (Borang FC7) tidak dikeluarkan kepada 7 premis tersebut** antara 5 hingga 121 bulan dari tarikh tamat Notis FC6.
- **Tiada penetapan tempoh masa pemeriksaan semula premis** bagi tujuan pengeluaran Borang FC7 selepas tamat tarikh Notis FC6.

### 4. Kenderaan Operasi JBPM

- Status **kenderaan operasi yang boleh digunakan** pada tahap **70.2% (1,667 unit)**.
- **29.8% (707 unit)** dalam proses **pembaikan/penyenggaraan dan cadang lupus**.

### 5. Kelewatan pembekalan Compact Fire Rescue Tender (CFRT)

- **21 unit CFRT** masih **belum dibekalkan** dengan kelewatan antara 23 hingga 164 hari.

## PENEMUAN UTAMA

### 6. Pemeriksaan Menghapus Bahaya Kebakaran (MBK) mencapai sasaran

- JBPM telah **mencapai sasaran** pemeriksaan MBK yang ditetapkan.
- 58,046 (125%) pemeriksaan berbanding sasaran pemeriksaan sebanyak 46,307.

### 7. Penilaian terhadap program kesedaran awam tidak dilaksanakan

- Bilangan **program kesedaran awam telah mencapai** sasaran yang ditetapkan. 75,917 (125.9%) program dilaksanakan berbanding sasaran sebanyak 60,287.
- **Penilaian** terhadap program kesedaran awam **tidak dilaksanakan** bagi menentukan keberkesanannya.

### 8. Pencapaian projek pembangunan

- Projek pembangunan JBPM telah **dilaksanakan mengikut perancangan** dengan 61 (92.4%) daripada 66 projek telah siap atau sedang dilaksanakan.

### 9. Projek tidak disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan

- **Dua projek** iaitu projek BBP dan Kuarters Pitas & Nabawan **tidak siap** pada tarikh yang dinyatakan dalam kontrak (tarikh siap asal).
- Ia juga tidak siap pada tarikh lanjutan siap dan dikeluarkan Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap pada bulan September 2023.
- Sehingga 31 Disember 2023, tempoh projek tidak disiapkan masing-masing adalah 2 tahun 6 bulan 12 hari (Nabawan) dan 5 tahun 11 bulan 6 hari (Pitas) dari tarikh siap asal sepatutnya.

## PENEMUAN UTAMA

### 10 . Kelewatan pelantikan kontraktor penyiap

Tempoh kelewatan

- BBP dan Kuarters Pitas (33 bulan 17 hari)
- BBP Palong 6 (13 bulan 12 hari)
- BBP Teluk Intan (21 bulan 19 hari)



BBP Palong 6, Negeri Sembilan  
- Bangunan BBP Dalam Pembinaan  
(23.01.2024)



BBP Teluk Intan, Perak  
- Bangunan BBP Dalam Pembinaan  
(23.01.2024)

Kesan : **Menjejaskan masa respons** BBP terdekat.

### SYOR AUDIT

Memberikan perhatian yang serius terhadap premis yang tidak mempunyai perakuan bomba. Tempoh masa pemeriksaan semula premis bagi tujuan pengeluaran Borang FC7 selepas tamat tarikh Notis FC6 perlu ditetapkan. Ini bagi memastikan tindakan pendakwaan dapat diambil sekiranya premis tidak mematuhi Notis FC6.

Program kesedaran awam perlu dinilai bagi menentukan keberkesanannya serta mengenal pasti ruang penambahbaikan.

Memastikan semua pembekalan aset dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan supaya tahap kecekapan perkhidmatan kebombaan dapat ditingkatkan.

Memastikan semua projek pembangunan disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan agar perkhidmatan kebombaan tidak terjejas.



# RINGKASAN LAPORAN

6

## KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

Jabatan Wilayah Persekutuan

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian  
Persekutuan

Jabatan Perumahan Negara

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah  
Persekutuan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Perbadanan Putrajaya

Perbadanan Labuan

- **Pengurusan Kediaman Berstrata  
di Wilayah Persekutuan**



# PENGURUSAN KEDIAMAN BERSTRATA DI WILAYAH PERSEKUTUAN

## KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

### LATAR BELAKANG

JKPTG

PPTGWP

JPN

JWP

PBT

#### HAKMILIK STRATA

Akta Hakmilik  
Strata 1985  
[Akta 318]

#### PENGURUSAN STRATA

Akta  
Pengurusan  
Strata 2013  
[Akta 757]

Akta  
Pemajuan  
Perumahan  
(Kawalan dan  
Pelesenan)  
1966  
[Akta 118]

- Peruntukan undang-undang pecah bahagi bangunan atau tanah kepada petak-petak.
- Pengurusan pelupusan hakmilik dan kutipan cukai.
- Mengawal selia penyenggaraan dan pengurusan strata.
- Berkuat kuasa dari peringkat penyerahan pemilikan kosong.
- Panduan badan pengurusan strata.
- Kawalan dan pelesenan urusan pemajuan perumahan di Semenanjung Malaysia.
- Melindungi kepentingan pembeli dan perkara yang berkaitan dengannya.

#### TEMA 2



Pengurusan  
Kediamaan  
Berstrata  
memperkuuh



Keselamatan



Kesejahteraan



Inklusiviti

## APA ITU STRATA?

**"STRATA ialah lapisan; tingkat kedudukan; dan bersusun lapis"**

-Dewan Bahasa dan Pustaka-

### KOMPONEN STRATA

#### PETAK

Salah satu daripada unit individu (kecuali petak aksesori)

#### PETAK AKSESORI

Petak lain yang digunakan secara eksklusif oleh tuan punya petak hakmilik strata




#### SKIM STRATA

Satu pembangunan hartanah

#### HARTA BERSAMA

Mana-mana bahagian lot yang tidak terkandung dalam mana-mana petak

### ALIRAN PENUBUHAN BADAN PENGURUSAN SKIM STRATA



### PENGAUDITAN

#### Aktiviti Utama

- pengeluaran hakmilik strata serta pengurusan penyenggaraan skim dan harta bersama.

#### Tempoh

- permohonan dan kelulusan pecah bahagi bangunan dan fail skim bagi tahun 2020 hingga 2022.

#### Pengauditan

- permohonan dan pengeluaran hakmilik strata dan pengurusan strata oleh Pesuruhjaya Bangunan.

#### Menilai

- pengurusan strata di WP dilaksanakan dengan cekap dan berkesan agar
  - VP dan hakmilik secara serentak disempurnakan
  - pindahmilik hakmilik strata disempurnakan oleh pembeli.

## PENEMUAN AUDIT

### RUMUSAN AUDIT

**TIDAK TERCAPAI – Pelaksanaan Polisi Pengeluaran Serentak Pemilikan Kosong Dan Hakmilik Strata (VPST) kerana penyelarasan antara agensi Kerajaan tidak diwujudkan bagi memenuhi pelaksanaan polisi tersebut**

### SELAIN ITU, TERDAPAT KELEMAHAN...

#### PROSES PENGETAHUAN HAKMILIK STRATA DIPROSES MELEBIHI TEMPOH YANG DITETAPKAN

iaitu melebihi 100 hari bagi purata 150 petak.

#### KELEMAHAN PEMANTAUAN DAN PENGURUSAN STRATA



### 419 SKIM TIADA HAKMILIK STRATA SELEPAS PELAKSANAAN POLISI VPST

- 419 skim (13.7%) melibatkan 58,119 petak masih belum mempunyai hakmilik strata walaupun pemilikan kosong telah dikeluarkan.
- **Tiada integrasi** pelaksanaan polisi VPST antara semua pihak iaitu KPKT, PPTG dan PBT serta pihak pemaju.

Kesan:

- Urus niaga pindahmilik, gadaian dan pusaka terjejas.
- Pembeli berisiko menanggung peningkatan kos pindahmilik.
- Kerajaan menanggung fi membantu pemilik skim.

#### HAKMILIK STRATA



#### HAKMILIK STRATA DIPROSES • MELEBIHI TEMPOH 100 HARI • KURANG 150 PETAK

#### 9 BANGUNAN DI ATAS TANAH DBKL TIADA HAKMILIK STRATA

- Tempoh memproses hakmilik strata tidak melebihi 100 hari bagi purata 150 petak.
- 149 (73.8%) skim diproses melebihi 100 hari.
- **16 skim (10.7%) adalah melibatkan permohonan kurang daripada 150 petak.**

- 9 skim Bangunan Khas dan Bangunan Lama di atas tanah milik DBKL.
- Tiada pemantauan dalaman oleh DBKL.



### PPTGWP TIDAK LAKSANA PENGUATKUASAAN HAKMILIK STRATA



### PINDAH HAKMILIK STRATA TIDAK DISEMPURNAKAN

- Subseksyen 8(8) – denda atau penjara dan perintah mahkamah.
- PPTGWP hanya memantau permohonan dan status hakmilik melalui mesyuarat pemantauan, mengeluarkan surat peringatan kepada pemilik asal atau pemaju.
- Tiada pelaksanaan penguatkuasaan Subseksyen 8(8) dibuat oleh PPTGWP.



### SISTEM eCOB Tidak Digunakan Sepenuhnya

- Tiada data lengkap skim.
- KPKT tidak dapat melaksanakan pemantauan melalui Sistem eCOB.
- JPN merancang sistem baharu bagi pengurusan Pesuruhjaya Bangunan dengan kos RM0.77 juta.

### KELEMAHAN PROSES KUTIPAN Deposit Membaiki Kecacatan Harta Bersama



### PESURUHJAYA BANGUNAN Tidak Merekod Aduan



### RM2.20 JUTA perbelanjaan peruntukan penyenggaraan di luar skop



- Pemaju perlu serah deposit selepas serah VP: 0.5% daripada anggaran kos pembinaan.
- Pemaju di WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya dan WP Labuan tidak menyerahkan deposit mambaiki kecacatan harta bersama.
- Tiada penguatkuasaan pengenaan denda oleh Pesuruhjaya Bangunan.

- PPj tidak merekodkan dan mengklasifikasikan aduan.
- 333 (3.3%) dan 908 (18.3%) aduan bagi tahun 2022 dan 2021 tidak dikategorikan oleh Pesuruhjaya Bangunan KL.
- 24 aduan tiada maklum balas daripada badan pengurusan.

- JWP telah menyalurkan peruntukan PRE 2020 sebanyak RM38.50 juta kepada DBKL untuk penyenggaraan harta bersama dan kemudahan awam di perumahan kos rendah dan sederhana rendah.
- Telah digunakan oleh DBKL untuk kerja penyenggaraan serta baik pulih pasar dan pusat penjaja di sekitar Kuala Lumpur.
- Telah dipulangkan kepada MoF pada 9 Ogos 2023.

Mengkaji semula dan menambah baik proses kerja permohonan hakmilik dan pengurusan strata serta prosedur pemantauan dan penguatkuasaan yang berkesan.

### **PROSEDUR & PROSES KERJA**



### **PERKONGSIAN DATA**

Perkongsian dan pengintegrasian sistem maklumat antara semua pihak diwujudkan bagi memastikan pengumpulan data secara lengkap, sistematik dan bersepadu.

### **PENYELARASAN**

Susul semula polisi VPST supaya pelaksanaannya dapat direalisasikan dengan penyelarasan di bawah satu kementerian induk.



# RINGKASAN LAPORAN

7

## KEMENTERIAN KOMUNIKASI

- Pengurusan Program Pemerkasaan Jaringan dan Infrastruktur Telekomunikasi Jalur Lebar



# PENGURUSAN PROGRAM PEMERKASAAN JARINGAN DAN INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI JALUR LEBAR

KEMENTERIAN KOMUNIKASI

## LATAR BELAKANG

Jalur lebar merupakan teknologi yang membolehkan penghantaran suara, video dan data berkelajuan tinggi melalui rangkaian dan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi. Tiga jenis infrastruktur jalur lebar untuk sambungan internet yang digunakan di Malaysia ialah talian tetap, mudah alih dan satelit.

## PENGAUDITAN

### Objektif Program

Memperluaskan liputan dan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar secara menyeluruh

### KEWANGAN

**RM3.831 bilion (91.7%)** telah dibelanjakan daripada RM 4.175 bilion melalui peruntukan Kerajaan.


### INISIATIF PROJEK KERAJAAN

- High Speed Broadband (HSBB)
- High Speed Broadband 2 (HSBB2)
- Sub-urban Broadband (SUBB)
- Broadband For General Population (BBGP)
- Point of Presence (PoP)

### KEMENTERIAN/AGENSI

- Kementerian Komunikasi (KK) – Penyedia polisi dan dasar jalur lebar
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia – Badan kawal selia perkhidmatan jalur lebar
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) – Pelanggan perkhidmatan PoP Sekolah

### EVOLUSI JALUR LEBAR



### SKOP PENGAUDITAN

#### Prestasi dan Pengurusan Program

Tempoh tahun :

- 2008 hingga 2020 (RMKe-9 hingga 11)
- 2021 hingga 2023 (RMKe-12)

## RUMUSAN

Pencapaian prestasi program Jalur Lebar Fasa 1 (2020 hingga 2022) telah dilaksanakan berdasarkan sasaran Kerajaan. Bagi program Jalur Lebar Fasa 2 (2023 hingga 2025) tidak diukur kerana masih dalam tempoh penyiapan.

### Bagaimanapun

Terdapat kelemahan pada pengurusan program jalur lebar:

- Jajaran yang tidak digunakan dan tidak dilanggan.
- Penguatkuasaan klausula kontrak tidak dipatuhi dan dipantau.
- Pengurusan langganan PoP Sekolah antara KK dan KPM tidak diselaraskan.

## PENEMUAN



## **SYOR AUDIT**

- KK perlu menyediakan perancangan penggunaan jajaran jalur lebar yang komprehensif bagi memastikan jajaran yang tidak dilanggar dapat dimanfaatkan.
- KK perlu memastikan terma perjanjian projek berkaitan klausa pembayaran perkongsian hasil dipatuhi dan dipantau secara terperinci bagi melindungi kepentingan Kerajaan.
- KK perlu menyelaras dengan semua pihak yang berkepentingan berkenaan langganan internet terutamanya kepada KPM dan pelaksanaan program hendaklah ditambah baik dalam PoP Fasa 2.



# RINGKASAN LAPORAN

8

**KEMENTERIAN PELABURAN,  
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI  
KEMENTERIAN DIGITAL  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI  
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA  
DAN WILAYAH**

- Pengurusan Program Pembangunan Keusahawanan e-Dagang





## PENGURUSAN PROGRAM PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN e-DAGANG

KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

KEMENTERIAN DIGITAL

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

### LATAR BELAKANG

**Majlis e-Dagang Kebangsaan**  
[National e-Commerce Council (NECC)]:

- ❑ Dipengerusikan oleh YB Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)
- ❑ Melibatkan pelbagai kementerian dan agensi
- ❑ Melaksanakan **Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan**  
[Malaysia's National e-Commerce Strategic Roadmap (NESR)]



12 Program di bawah  
**Teras Strategik Pertama NESR**



Pelaksana:  
❑ 4 Kementerian  
❑ 5 Agensi



Kos Keseluruhan:  
**RM587.68 juta**

### PENGAUDITAN

#### OBJEKTIF

Menilai Program Pembangunan Keusahawanan e-Dagang diurus dan dilaksanakan secara ekonomik, cekap dan berkesan bagi mempercepat penerimahaunaan e-Dagang oleh PMKS melalui latihan, akses kepada platform dan pemberian insentif.

#### SKOP

- Prestasi dan Pengurusan Program
- Tempoh tahun 2016 hingga 2020 (RMKe-11) dan 2021 hingga 2023 (RMKe-12)

### PENEMUAN AUDIT

#### RUMUSAN AUDIT

**Pengurusan Program Pembangunan Keusahawanan e-Dagang yang diaudit telah mencapai prestasi yang baik dan sasaran yang ditetapkan.**

## LATIHAN DAN PENERIMAGUNAAN e-DAGANG

Tujuh program latihan dan penerimagunaan e-Dagang telah mencapai sasaran yang ditetapkan.

### KEMENTERIAN DIGITAL



Program eUsahawan	PENCAPAIAN: 559,680 PESERTA	169.7%
Program Pelaksanaan Pembangunan e-Dagang Kebangsaan	PENCAPAIAN: 359,958 PESERTA	185.5%
Program Inisiatif PENJANA e-Dagang: (Kempen MSME e-Dagang Shop Malaysia Online)	PENCAPAIAN: 1,173,868 PESERTA	276.9%
Program Penerimagunaan e-Dagang	PENCAPAIAN: 70,032 PESERTA	100%

### KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI



Program Bimbingan Jualan Dalam Talian (e-BOARD)	PENCAPAIAN: 2,230 PESERTA	89.2%
Latihan Pemasaran Digital (IBT)	PENCAPAIAN: 10,187 PESERTA	467.3%
INSKEN Masterclass	PENCAPAIAN: 496 PESERTA	100%

## PEMBERIAN INSENTIF

### KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI



#### Program e-Trade

PENCAPAIAN: 4,562 PENERIMA 118.9%



#### Program Galakan Cukai Bagi Aktiviti e-Fulfillment

PENCAPAIAN PELABURAN: RM4.19 BILION 230.3%

### KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH



#### Program Pendigitalan Perniagaan MARA (DIGITALBIZ)

PENCAPAIAN: 942 PENERIMA 104.7%

Tiga program pemberian insentif telah mencapai sasaran yang ditetapkan.

## AKSES KEPADA PLATFORM

### KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH



#### Program Desamall

PENCAPAIAN: 6,078 USAHAWAN 121.6%

Hanya satu program (Program Desamall) telah mencapai sasaran yang ditetapkan.

### KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

#### Pembangunan Platform e-Dagang MyMall

- Kelewatan penyiapan platform, integrasi dengan tiga platform e-Dagang dan pengikut media sosial tidak mencapai sasaran.
- Kontrak Perjanjian belum disempurnakan dan pengurusan operasi MyMall tidak teratur.

### SYOR AUDIT

- KUSKOP hendaklah memastikan kontrak perjanjian dimuktamadkan dengan segera;
- KUSKOP hendaklah memastikan pengintegrasian platform MyMall dengan Odela dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan serta mengenal pasti dua platform lain yang boleh diintegrasikan bagi memastikan API yang tersedia digunakan; dan
- KUSKOP hendaklah menambah baik pengurusan operasi dengan memastikan syarikat yang dilantik sebagai pengendali gerbang pembayar merupakan syarikat yang berlesen dengan Bank Negara Malaysia dan pengasingan dibuat bagi terimaan dan pembayaran akaun MyMall.

# RINGKASAN LAPORAN

9

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

- Pengurusan Kapal Tentera Laut Diraja Malaysia



# PENGURUSAN KAPAL TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTAHANAN



## LATAR BELAKANG

### PERANAN DAN FUNGSI TLDM

Mempertahankan kepentingan maritim:

- ❖ Kedaulatan negara dan integriti wilayah.
- ❖ Keselamatan nyawa dan harta benda.

Tugas-tugas sampingan dan bantuan:

- ❖ Pengukuasaan undang-undang maritim di Zon Ekonomi Eksklusif.
- ❖ Membantu tugas dan operasi Tentera Darat Malaysia, Tentera Udara Diraja Malaysia dan agensi awam.




### PROGRAM TRANSFORMASI TLDM #15TO5

- ❖ Dilancarkan pada 28 November 2018
- ❖ Mentransformasi kapal daripada 15 kepada lima kelas
- ❖ Objektif:
  - Tingkatkan keupayaan tempur maritim.
  - Keupayaan daya tahan operasi maritim.
  - Menangani keusangan kapal TLDM.



### KAWASAN TANGGUNGJAWAB TLDM



Kawasan tanggungjawab TLDM meliputi kawasan lanjutan dan hadapan

## PENGAUDITAN

### BIDANG UTAMA AUDIT

#### Prestasi Aktiviti

- ❖ Sasaran pegangan kapal
- ❖ Tahap kesiagaan kapal
- ❖ Pelaksanaan operasi

#### Pengurusan Aktiviti

- ❖ Penggunaan kapal
- ❖ Penyenggaraan kapal
- ❖ Alat ganti kapal



### SKOP DAN METODOLOGI

#### Bahagian Terlibat

- Markas Pemerintahan Armada Barat
- Markas Pemerintahan Armada Timur
- Markas Wilayah Laut 1
- Markas Wilayah Laut 2
- Bahagian Perolehan
- Bahagian Pembangunan
- Bahagian Operasi dan Strategik
- Bahagian Material
- Bahagian Perancangan dan Pembangunan
- Bahagian Kejuruteraan



#### Metodologi Pengauditan

- Semakan fail, rekod dan dokumen
- Analisis data
- Temu bual dan perbincangan
- Lawatan fizikal

#### Tempoh Pengauditan

Oktober 2022 hingga Jun 2023

## PENEMUAN AUDIT

### RUMUSAN AUDIT

TLDM telah berjaya melaksanakan operasinya melebihi sasaran yang ditetapkan walaupun menghadapi kekangan sumber kewangan dan kekurangan kapal. Bagi menjayakan operasi tersebut, TLDM telah menggunakan kapal yang melebihi usia guna dan secara *high-tempo*.

Pengurusan aktiviti kurang memuaskan:

- ❖ Perolehan kapal baharu tidak dilaksanakan mengikut perancangan.
- ❖ Penyenggaraan kapal tidak mengikut jadual.
- ❖ Alat ganti bernilai RM384.49 juta tidak digunakan.


## PRESTASI AKTIVITI

1

### Sasaran Pegangan Kapal

#### Prestasi Perolehan Kapal Rendah (22.2%)

- ❖ Sasaran perolehan 18 kapal (RMKe-11 dan RMKe-12).
- ❖ Sehingga 31 Disember 2022, hanya terima empat kapal (22.2%).
- ❖ Sebab ketidakcapaian sasaran:
  - Kelewatan penyiapan kapal LCS.
  - Pengurangan satu kapal LCS.
  - Perolehan LMS tidak mengikut perancangan.
  - Perolehan kapal MRSS tidak dilaksanakan.
- ❖ Kementerian Pertahanan akan memastikan:
  - Lima LCS diterima mulai Ogos 2026 hingga 2029.
  - Perolehan tiga LMS dilaksanakan di bawah RMKe-12.
  - Perolehan baki tiga LMS dan dua MRSS di bawah RMKe-13.
- ❖ Prestasi perolehan kapal tidak memuaskan dan boleh menjelaskan sasaran pegangan kapal menjelang tahun 2050.



2

### Tahap Kesiagaan Kapal

Setakat 31 Disember 2022:



**95.1%**  
*Operational Availability*

Tahap kesiagaan 49 kapal pada 31 Disember 2022 baik kerana melebihi sasaran 70%.

3

### Pelaksanaan Operasi

#### Melebihi sasaran:

- ❖ **1,184 operasi** melebihi sasaran 849.
- ❖ Pencapaian pelaksanaan operasi adalah baik, namun turut menggunakan kapal yang telah melebihi usia guna dan beroperasi secara *high-tempo*.

## PENGURUSAN AKTIVITI

4

### Penggunaan Kapal


#### 26 kapal melebihi usia guna



26/49  
Kapal  
(53.1%)


- ❖ 26 daripada 49 kapal melebihi usia guna antara **sembilan - 25 tahun** mengikut penetapan jangka hayat.
- ❖ **14 - 19** kapal diguna secara **high-tempo** (tahun 2020 - 2022).
- ❖ Maklum balas TLDM:
  - TLDM akan melaksanakan rancangan pelupusan dan inisiatif pemanjangan hayat kapal.
- ❖ Perolehan kapal baharu tidak mengikut perancangan menyebabkan kapal melebihi usia masih digunakan untuk operasi.

Tahun 2020




14/26  
Kapal (53.8%)

Tahun 2021



19/26  
Kapal (73.1%)

Tahun 2022



16/26  
Kapal (61.5%)

■ Melebihi 60 hari di laut (**high-tempo**)

■ Kurang 60 hari di laut

5

### Penyenggaraan Kapal

#### Penyenggaraan kapal tidak mengikut jadual



6/10 kapal

Enam daripada 10 sampel kapal tidak dilaksanakan penyenggaraan *refit*.



1/3 kapal FAC

Hanya satu daripada tiga kapal telah menjalani *Obsolencence Program*.



- ❖ Sebab penyenggaraan tidak dapat dilaksanakan:
  - Kapal di limbungan masih belum siap disenggara.
  - Keperluan operasi yang tinggi.
- ❖ Kesannya kerosakan awal tidak dapat dikenal pasti dan boleh menimbulkan risiko keselamatan.

## Alat Ganti Kapal

Alat ganti **RM384.49** juta tidak digunakan

- ❖ Alat ganti tidak digunakan:

**Depot Bekalan Armada Barat (DBAB) 1.62 Juta**  
**Unit Alat Ganti (RM381.69 juta)**

**Depot Bekalan Armada Timur (DBAT) 6,040**  
**Jenis Alat Ganti (RM2.80 juta)**

- ❖ Antara sebab tidak digunakan:
  - Peralatan di atas kapal ditukar dengan peralatan dan jenama lain.
  - Kapal *Patrol Craft* (PC) dilucutkan tauliah dan dipindahkan kepada agensi lain.
- ❖ Penggunaan alat ganti kurang memuaskan. Alat ganti yang tidak digunakan boleh mengakibatkan berlakunya pembaziran.



## SYOR AUDIT

**Kementerian Pertahanan/TLDM perlu memastikan:**

- ❖ Program Transformasi TLDM #15to5 dilaksanakan mengikut perancangan.
- ❖ Penyenggaraan dilaksanakan mengikut jadual.
- ❖ Pelan tindakan disediakan terhadap stok alat ganti yang tidak digunakan.



# PENUTUP



## PENUTUP

1. Pada umumnya, kementerian/jabatan/agensi Kerajaan Persekutuan mempunyai perancangan yang baik untuk melaksanakan program/aktiviti/projek. Namun demikian, wujud keperluan untuk memastikan kajian awal dilakukan dengan terperinci dan perancangan secara menyeluruh melibatkan semua pihak yang berkaitan bagi menentukan skop projek di peringkat awal perancangan agar pengukuran pencapaian kelak dapat dilaksanakan dengan berkesan dan mengurangkan risiko kegagalan sesuatu projek yang merugikan Kerajaan. Dari segi pelaksanaannya, masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu ditangani segera bagi memastikan sesuatu program/aktiviti/projek dilaksanakan dengan ekonomik, cekap dan mencapai objektif yang ditetapkan.
2. Berdasarkan pengauditan yang dijalankan, terdapat kelemahan dalam pelaksanaan sesuatu aktiviti berpunca daripada beberapa faktor. Antaranya adalah kerana kurang pemantauan/penyeliaan oleh pihak berkenaan, ketiadaan penyelarasan antara agensi berkenaan, ketiadaan pangkalan data yang lengkap dan kelemahan dalam polisi/prosedur kerja. Kelemahan ini menyebabkan program/aktiviti/projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan, kualiti kerja tidak memuaskan, kos meningkat dan Kerajaan tidak mendapat nilai faedah wang yang dibelanjakan. Objektif pelaksanaan program/aktiviti/projek juga tidak dapat dicapai sepenuhnya dan kurang memberi impak kepada kumpulan sasaran.
3. Sehubungan ini, adalah disyorkan perkara berikut:
  - a. kajian terperinci terhadap cadangan projek dijalankan terlebih dahulu sebelum diluluskan untuk mengelakkan perubahan skop/kerja yang boleh menjelaskan jadual pelaksanaan dan Kerajaan mendapat nilai faedah wang yang dibelanjakan;
  - b. perancangan bersepadu dan penyelarasan antara kementerian/jabatan/agensi terlibat perlu dilakukan supaya pelaksanaannya adalah efektif dan menyumbang kepada kesejahteraan dan pembangunan negara;
  - c. aspek pemantauan hendaklah dipertingkatkan untuk memastikan program/aktiviti/projek dapat dilaksanakan mengikut jadual serta mematuhi syarat dan perancangan yang ditetapkan. Selain itu, semua klausa kontrak yang disediakan perlu diteliti secara terperinci sebelum dimuktamadkan untuk menjaga kepentingan Kerajaan;
  - d. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah mengambil tindakan sewajarnya dengan tegas dan segera sekiranya wujud risiko unsur pembaziran yang dikesan melalui mekanisme pemantauan agar amalan tadbir urus yang baik dalam pengurusan projek wujud setiap masa; dan

- e. sebagai bukti komitmen yang tinggi, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah mengambil tindakan segera terhadap teguran Ketua Audit Negara. Laporan tindakan dan dokumen sokongan berkaitan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Susulan Audit, Jabatan Audit Negara (JAN) bagi membolehkan segala status tindakan dikemaskinikan ke dalam Papan Pemuka Dalam Talian Ketua Audit Negara (Auditor General's Dashboard – AGD) di laman web <http://agdashboard.audit.gov.my>.
- 4. Pengauditan yang dijalankan oleh JAN adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu sahaja. Sehubungan itu, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Agensi yang berkenaan perlu menjalankan pemantauan rapi dan pemeriksaan secara menyeluruh untuk memastikan tindakan pembetulan dan penambahbaikan dibuat terhadap program/aktiviti/projek yang mempunyai kelemahan yang sama. Di samping itu, selain daripada menjalankan penilaian terhadap sistem kawalan dalaman, Unit Audit Dalam perlu juga diminta untuk menjalankan pengauditan prestasi terhadap pengurusan program/aktiviti/projek. Tujuannya adalah untuk menentukan sejauh mana program/aktiviti/projek telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan.
- 5. Selain itu, JAN juga menyahut seruan YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara untuk Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap program/aktiviti/projek yang masih dalam tempoh pelaksanaan supaya sebarang kelemahan dapat dikesan lebih awal dan tindakan penambahbaikan dapat diambil oleh kementerian/jabatan/agensi pelaksana.
- 6. Oleh itu, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas dan panduan untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti Sektor Awam di Malaysia. Laporan ini juga penting dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan berintegriti.

**Ketua Audit Negara**

**Putrajaya  
20 Mei 2024**





JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA

**JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA**  
ARAS 1-9, BLOK F2 & F3, KOMPLEKS F  
LEBUH PERDANA TIMUR, PRESINT 1  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62000 PUTRAJAYA

**[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)**